

MAJLIS SAMBUTAN 50 TAHUN PESAWAT NURI (SIKORSKY S61A-4)

airforce.mil.my/berita/acara-rasmi/2427-majlis-sambutan-50-tahun-pesawat-nuri-sikorsky-s61a-4

KUALA LUMPUR – Panglima Tentera Udara, YBhg Jeneral Tan Sri' Dato' Sri Hj Affendi bin Buang TUDM dan isteri, YAM Tengku Puteri Seri Teja Pahang, Puan Sri Datin Sri Hj Tengku Muhaini bte Sultan Hj Ahmad Shah telah menghadiri majlis sambutan 50 tahun pesawat Nuri yang berlangsung pada 17 Sep 17 bertempat di Wisma Perwira ATM. Majlis dihadiri hampir 500 tetamu termasuk bekas juruterbang pesawat Nuri serta anggota dan krew pesawat yang telah bersara mahupun telah bertukar keluar.

Pesawat Nuri mula memasuki inventori TUDM pada Jan hingga Mei 1968 yang pada permulaannya diterima sebanyak 10 buah pesawat dan jumlah keseluruhan di dalam inventori TUDM adalah sebanyak 43 buah.

Pesawat ini merupakan pesawat yang ditunggu oleh TUDM bagi meningkatkan keupayaan pesawat yang sedia ada iaitu pesawat jenis Helikopter Alouette III yang telah berkhidmat mulai 1963. Pesawat Nuri ini telah mula beroperasi sepenuhnya pada Mac 1968.

Kemampuan pesawat Nuri yang berbeza dengan pesawat Alloutte III merupakan faktor pemilihan pesawat ini. Ruang kabin/kargo yang lebih besar dan mampu membawa sehingga 30 orang penumpang menjadikan pesawat ini sangat diperlukan oleh TUDM. Selain itu, pesawat Nuri ini mampu terbang pada jarak yang lebih berbanding pesawat helikopter lain yang dimiliki TUDM ketika itu. Hal ini membuatkan pesawat Nuri sesuai ditugaskan sebagai pengangkutan taktikal terutama di kawasan komunis.

Pesawat Nuri ini juga telah mendapat pengiktirafan dan penghargaan oleh negara luar kerana penglibatannya dalam melaksanakan bukan sahaja di dalam negara malah turut terlibat bagi operasi di luar negara. Ini membuktikan kebolehan pesawat Nuri ini mampu beroperasi dengan cemerlang di kawasan konflik serta melaksanakan bantuan kemanusiaan (penerbangan ehsan dan bantuan banjir).



Di majlis sambutan ini juga telah berlangsung penyampaian anugerah seperti pin Jam Penerbangan Sikorsky dan Green Endorsement, penghargaan kepada penerima Pingat Gagah Berani (PGB), Pingat Tentera Udara (PTU) dan Pingat Kepujian Perutusan Keberanian (KPK).



Turut hadir bagi meraikan sambutan ini adalah mantan-mantan PTU, Kedutaan Amerika Syarikat, Regional Executive Asia Pasific Sikorsky, Lockheed Martin Inc dan Rajawali Aerospace.

